

## **LIAM lantik semula Shih Kang**

KUALA LUMPUR 9 April - Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) memilih semula Vincent Kwo Shih Kang sebagai Presidennya yang baharu, manakala Kamaludin Ahmad sebagai Naib Presiden pada Mesyuarat Agung Tahunannya ke-40 pada 31 Mac lalu.

LIAM dalam kenyataannya memaklumkan, Shih Kang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Uni.Asia Life Assurance Bhd. dan juga seorang aktuari berkelayakan dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam industri insurans.

Beliau juga adalah Pengerusi Malaysian Life Reinsurance Group Bhd. dan Ahli Lembaga Pengarah Malaysian Rating Corporation Bhd., serta Institut Insurans Malaysia dan memegang jawatan sebagai Pengerusi Kongres Insurans Asia Timur (EAIC) serta Pengerusi Majlis Insurans ASEAN (AIC)," menurut kenyataan LIAM di sini, semalam.

Sementara itu, Naib Presiden LIAM, Kamaludin Ahmad merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Ageas Holdings Bhd., yang merangkumi Etiqa Insurance Berhad dan Etiqa Takaful Berhad. Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam industri perkhidmatan kewangan termasuk jualan, pemasaran, aktuari, pengunderaitan dan operasi di dalam negeri dan juga di peringkat antarabangsa.

Kamaludin juga memiliki pengalaman lebih dari enam tahun dalam bidang kawal selia dan risiko yang diperolehnya semasa bekerja dengan Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Jelas LIAM, beberapa nama turut dilantik semula sebagai ahli jawatankuasa pengurusan, antaranya Ketua Pegawai Eksekutif Allianz Life Insurance Malaysia Bhd., Jens Reisch, Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd., Bill Lisle, Ketua Pegawai Eksekutif AmLife Insurance Bhd., Paul Low, Ketua Pegawai Eksekutif AXA AFFIN Life Insurance Bhd., Loke Kah Meng, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Bhd., Datuk Koh Yaw Hui dan Ketua Pegawai Eksekutif Manulife Insurance Bhd., George Chew, serta Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd., Toi See Jong.

Artikel Penuh: [http://utusan.com.my/utusan/Korporat/20140410/ko\\_04/LIAM-lantik-semula-Shih-Kang#ixzz2yqbgVtag](http://utusan.com.my/utusan/Korporat/20140410/ko_04/LIAM-lantik-semula-Shih-Kang#ixzz2yqbgVtag)

© Utusan Melayu (M) Bhd